

BERHEMAHLAH DALAM BERMEDIA SOSIAL

Oleh Athma Zubir

Kuasa dan pengaruh media sosial begitu besar kepada masyarakat, khususnya kepada golongan muda. Mereka sangat tertarik akan media sosial itu sehingga ada yang begitu taasub dengan kemudahan internet yang pada hari ini merupakan antara medium perhubungan dan penyebaran maklumat. Melaluinya masyarakat mendapat maklumat terkini dengan cepat dan tepat melalui media sosial. *Harian Metro* melaporkan bahawa Malaysia muncul sebagai negara ketiga tertinggi untuk penggunaan internet, selepas Singapura dan Brunei daripada jumlah keseluruhan pengguna internet di seluruh Asia Tenggara.

Kini penggunaan media sosial seperti Facebook, YouTube, Instagram, Twitter, LinkedIn dan lain-lain bukan hanya sebagai ruangan untuk bersembang kosong atau menghabiskan masa terluang. Penggunaan media sosial kini menjadi rangkaian komunikasi yang meluas kepada segenap lapisan masyarakat, pihak swasta dan badan kerajaan. Pada masa yang sama juga memberikan kesan yang buruk kepada masyarakat kerana telah menyalahgunakannya sebagai alat penyebaran fitnah dan maklumat yang salah dan tidak tepat.

Media sosial membolehkan pengguna berinteraksi dengan mudah secara bebas, berkongsi cerita

dan berbincang tentang pelbagai perkara dengan menggunakan gabungan elemen multimedia yang terdiri daripada teks, gambar, video dan audio. Setiap minit, beratus video dimuat naik ke laman YouTube, berjuta orang pula menggunakan Facebook dan Instagram dan ada juga yang akan melakukan tweet dalam Twitter. Walau bagaimanapun, penggunaan media sosial dalam kalangan masyarakat khususnya remaja boleh dikatakan belum cukup matang. Hal ini demikian kerana banyak isu sensitif masih bermain di ruang media sosial.

Berdasarkan kajian Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia dan Universiti Utara Malaysia pada tahun





2016, lebih 60 peratus daripada golongan belia yang berusia 18 hingga 25 tahun dikesan telah menghabiskan masa lebih lima jam sehari untuk melayari internet, terutama bahan yang berunsurkan hiburan. Oleh sebab tidak mendapat masa rehat dan tidur yang cukup, mereka mudah mengalami kemurungan dan masalah kesihatan.

Mereka juga gemar melayari laman web yang berunsur negatif seperti laman web pornografi. Hal ini amat membimbangkan kerana sebahagian besar ibu bapa pada masa ini terlalu sibuk bekerja sehingga mengabaikan perhatian terhadap keluarga. Oleh itu, tidak mustahil jika anak-anak remaja terdedah secara langsung atau tidak

langsung kepada unsur negatif yang berlegar di internet.

Sehubungan dengan itu, ibu bapa sebagai ahli keluarga yang paling rapat perlu memainkan peranan dalam menangani implikasi negatif media sosial dalam kalangan anak-anak. Ibu bapa perlu memberikan didikan agama yang secukupnya sejak mereka kecil lagi. Melalui didikan agama yang secukupnya, implikasi negatif media sosial dalam kalangan anak-anak dapat diatasi.

Ibu bapa juga berperanan dalamengehadkan tempoh anak-anak melayari media sosial seperti Facebook, Instagram atau Twitter yang memerlukan penggunaan akses internet. Ibu bapa berhak menyekat

akses internet dan mengawal tempoh penggunaannya agar mereka lebih menghargai masa dan mengelakkan implikasi negatif media sosial menular dalam diri anak-anak.

Ibu bapa juga perlu mengetahui laman web dan media sosial yang dilayari oleh anak-anak. Hal ini adalah untuk mengelak anak-anak daripada melayari perkara yang



tidak elok seperti laman kongsi gelap dan pornografi. Tindakan ini membolehkan ibu bapa mengelakkan anak-anak daripada terpengaruh dengan perkara negatif.

Aktiviti pergaulan tanpa batasan melalui aplikasi WhatsApp, WeChat dan pelbagai aplikasi lain seperti Meet and Greet juga mempengaruhi remaja ke arah yang negatif. Kebiasaannya remaja perempuan mudah tertipu dan diperdayakan serta menjadi mangsa seksual bagi pelbagai tujuan tidak bermoral. Jika tidak berhati-hati, mereka mudah terperangkap

dalam mainan yang dilakukan oleh pemangsa dalam media sosial.

Menurut *The Star Online* pula, hasil kajian pihak CyberSecurity Malaysia mendapati bahawa kes buli siber dalam kalangan pelajar sekolah adalah tinggi dan serius. Hal ini demikian kerana statistik menunjukkan peningkatan kes pada setiap tahun dan angka yang dinyatakan itu sangat mengejutkan dan membimbangkan. Sebagai contoh, sebanyak 291 kes dicatatkan pada tahun 2014, 256 kes pada tahun 2015 dan 338 kes pada tahun 2016. Aktiviti buli siber memberikan kesan terhadap mangsa lebih dari segi psikologi seperti kurangnya keyakinan diri, seorang yang antisosial dan yang lebih parah apabila mangsa berkecenderungan untuk membunuh diri.

Antara simptom masalah kesihatan mental pula adalah apabila seseorang itu tidak dapat menggunakan WhatsApp, Facebook atau Instagram untuk suatu tempoh tertentu, mereka akan berasa risau kerana dirinya ketinggalan untuk mengetahui isu semasa. Ada juga yang mengalami kemurungan hanya disebabkan oleh statusnya di media sosial tidak mendapat reaksi hingga hilang keyakinan diri dan bersikap prasangka.

Sebagai contohnya, seorang remaja di Batu Kawa, Kuching, Sarawak memilih untuk menamatkan riwayat hidupnya hanya disebabkan oleh pengaruh keputusan majoriti rakan media sosialnya. Dengan pemikiran yang tidak waras, mangsa didakwa nekad terjun dari tingkat tiga sebuah bangunan rumah kedai.

Buli siber ialah perbuatan mengancam, memalukan atau

menakutkan seseorang melalui medium elektronik seperti media sosial, telefon bimbit, e-mel, permainan internet dan lain-lain. Pembuli siber tidak seperti pembuli lain kerana perbuatan itu berlaku dalam dunia siber yang tidak bersempadan. Oleh yang demikian, hal ini menyukarkan mangsa untuk melindungi diri.

Di Malaysia, terdapat perundangan yang digunakan untuk mengawal selia penggunaan media sosial yang telah digubal oleh Parlimen Malaysia seperti Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588], Akta Jenayah Komputer 1997 [Akta 563], Akta Hasutan 1948 [Akta 15], Akta Fitnah 1957 [Akta 286] serta Kanun Keseksaan [Akta 574]. Di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, jenis-jenis kesalahan yang dikawal selia oleh akta tersebut secara amnya diperuntukkan dalam Bab 2, Bahagian X Akta dari seksyen 231 hingga 244 yang meliputi pelbagai kesalahan.

Antara kesalahan yang diperuntukkan di bawah Bab 2 tersebut ialah kesalahan penggunaan radas atau peranti tanpa kebenaran, penggunaan rangkaian untuk melakukan fraud, penggunaan tidak wajar rangkaian seperti mengeluarkan kenyataan yang jelik atau lucah dan sebagainya sehinggalah kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan perbadanan.

Menurut Kementerian Komunikasi dan Multimedia, semua tindakan penguatkuasaan yang diambil berteraskan prosedur undang-undang yang ditetapkan, di mana tindakan boleh diambil di bawah seksyen 233 Akta 588 terhadap individu yang menyalahgunakan internet atau perkhidmatan aplikasi sebagai platform bagi menyebarkan kandungan yang bersifat lucah, sumbang, palsu, mengancam atau yang jelik. Berdasarkan perkara itu, sebanyak 42 kes di bawah Akta 588 dibawa ke Mahkamah sejak tahun 2016 hingga 1 Februari tahun 2017 seperti yang dilaporkan oleh *Sinar Harian Online*.

Yang membimbangkan kini ialah sikap pengguna media sosial yang

gemar menularkan sesuatu isu atau situasi yang tidak sahah kebenarannya. Amalan menularkan sesuatu isu yang tidak benar atau negatif, sekiranya tidak dikawal akan mendatangkan impak yang cukup besar, serta memberikan kesan buruk kepada masyarakat.

Selain cabaran dalam penggunaan media sosial yang dinyatakan itu, tidak dapat dinafikan bahawa banyak kebaikan yang boleh didapati oleh pengguna internet melalui media sosial. Antaranya termasuklah menjadikan medium tersebut untuk mencari keluarga atau sahabat lama yang terpisah dan kembali berhubung dan menyambung ukhwh sesama insan.

Media sosial juga boleh dijadikan medan perkongsian ilmu yang bermanfaat bersama-sama rakan media sosial yang lain. Mereka boleh bertukar-tukar pendapat selain menimba dan berkongsi ilmu baharu di laman maya. Selain itu, media sosial juga berperanan untuk menjadi medan ruangan yang sangat penting bagi usahawan untuk memasarkan produk jualan atau perkhidmatan yang ditawarkan secara dalam talian. Cara ini membolehkan usahawan beroperasi atau menjalankan perniagaan dari rumah atau di mana-mana sahaja. Secara tidak langsung, kos operasi dapat dijimatkan dan keuntungan dapat janakan menerusi pelbagai media sosial yang ada di laman maya.

Sehubungan dengan itu, setiap pengguna bertanggungjawab untuk menggunakan media sosial secara berhemah dan tidak menyalahgunakan kemudahan teknologi yang ada. Walaupun kebebasan dalam menyatakan pendapat

atau pandangan merupakan hak pengguna media sosial, hal itu tidak bermakna bahawa mereka bebas menyatakan apa-apa sahaja yang difikirkan. Hal ini demikian kerana apa-apa sahaja pernyataan yang dimuat naik tertakluk kepada undang-undang negara yang bertujuan untuk melindungi kepentingan awam secara keseluruhannya.

Penggunaan media sosial di dunia tanpa sempadan, sama ada membawa kepada kebaikan atau keburukan, jawapannya terletak kepada pengguna media sosial itu sendiri. Sekiranya penggunaan media sosial tidak digunakan secara berhemah, medium berkenaan sekadar alat yang akan menambahkan lagi masalah.⁵

